

Malaysia sokong usaha muktamad rundingan ACFTA 3.0

Nanning: Malaysia kekal menyokong dan memuji usaha ASEAN dan China memuktamadkan rundingan menaik taraf Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA) 3.0 menjelang 2024, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, rundingan menaik taraf ACFTA 3.0 yang sedang berjalan adalah penting untuk pemulihan selepas pandemik, meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan ASEAN-China, serta memastikan aliran bebas barangan dan perkhidmatan.

“Pembabitan bidang pertumbuhan baharu seperti ekonomi digital, ekonomi hijau, kesalinghubungan rantaian bekalan, persaingan, perlindungan pengguna dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) memastikan keberkaitan serta pandangan jauh perjanjian itu,” katanya berucap pada acara perasmian Ekspo China-ASEAN

ke-20 (CAEXPO) 2023 dan Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan China-ASEAN (CABIS) di sini, semalam.

ACFTA adalah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) pertama dengan pihak luar yang ditandatangani ASEAN. Ia dilaksanakan sejak 1 Januari 2010.

“China menjadi rakan dagangan utama ASEAN selama 14 tahun berturut-turut dan sudah pasti ini bukti hubungan ekonomi yang kukuh dan rancak serta komitmen bersama kami.

“Bagi Malaysia, China kekal sebagai destinasi eksport utama negara dengan eksport mencecah melebihi RM200 bilion, meningkat 9.4 peratus kepada RM210.6 bilion (AS\$47.8 bilion) pada 2022,” katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan mengetuai delegasi Malaysia ke CAEXPO dan merasmikan Pavilion Malaysia di CAEXPO.

Selain itu, Anwar dijadual mengadakan mesyuarat dua

hala dan menghadiri majlis makan tengah hari bersama-sama Perdana Menteri China, Li Qiang yang mana kedua-dua pemimpin akan membincangkan keadaan hubungan dua hala Malaysia-China serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang menjadi perhatian bersama.

Tumpu keamanan serantau

Perdana Menteri juga dijangka mengadakan pertemuan dengan gergasi korporat China di sini selepas pertemuan dengan Li Qiang.

Ini lawatan kedua Anwar ke China selepas lawatan pertama ke Beijing dan Hainan pada Mac lalu selepas memegang jawatan Perdana Menteri November lalu.

Lawatan pertama menyaksikan Malaysia memperoleh komitmen pelaburan bernilai RM170 bilion daripada ekonomi kedua terbesar dunia itu.

Sementara itu, Anwar berkata, usaha kolektif ASEAN dan

China mesti memberi tumpuan kepada keamanan serantau, kestabilan, kemakmuran dan memupuk hubungan perdagangan dua serta pelbagai hala.

Beliau berkata, ASEAN akan kekal sebagai antara wilayah paling pesat berkembang pada 2023, justeru penting bagi ASEAN dan China mempelbagaikan strategi perdagangan serta pelaburan mereka ketika dunia semakin maju.

Anwar turut menggesa ASEAN dan China mempergiatkan kerjasama dalam ekonomi digital bagi memperkasakan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) untuk berkembang maju dalam era digital ini.

Merujuk Rangka Kerja Pemulihan Ekonomi ASEAN, beliau berkata, ia menggariskan kepentingan ketersambungan rantaian bekalan tanpa gangguan, selain memudahkan penyaluran barangan serta perkhidmatan penting dengan menghapuskan halangan perdagangan.

Mengulas inisiatif Jalur dan Laluan China (BRI), Anwar berkata, Malaysia sebagai penyokong awal, membayangkan inisiatif ini boleh menjadi pintu masuk kepada suatu ketersambungan baharu dan peluang pertumbuhan merentasi Asia Tenggara, Asia Pasifik, Afrika, serta Eropah Tengah dan Timur.

Dengan merujuk kepada Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan (MCKIP) dan China-Malaysia Qinzhou Industrial Park (CMQIP) yang dibangunkan di bawah konsep ‘Dua Negara, Taman Berkembar’, Perdana Menteri berkata taman itu contoh projek BRI yang boleh dibangunkan.

Mengenai Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), beliau berkata ia adalah bukti komitmen ASEAN dan China terhadap integrasi ekonomi, memastikan daya tahan rantaian bekalan dan keterbukaan pasaran dalam menghadapi cabaran global.